


# JURNAL

Impresi Kehidupan

KOSMO AHAD 10 OKTOBER 2010




**Menderita dek  
sihir pelalau**


**54 Jangan beritahu  
isteriku...**

*Kosmo*

10 OCT 2010

*MIS 11*



A black and white photograph showing a hand holding a rectangular sign with the word "BUSTER" written on it. The hand is positioned in the upper left corner of the frame. The background is dark and indistinct.

BUSTER

A black and white photograph of a child building a sandcastle on a beach. The child is in the foreground, and the sandcastle is in the background. The scene is brightly lit, suggesting a sunny day. The child is wearing a light-colored shirt and shorts. The sandcastle is tall and has several towers and arches. The beach is visible in the foreground, and the ocean is in the background.


# Uncle Looi si pemburu virus

# Pemburu tiga juta virus komputer

## EKSTRA Antara anugerah yang diterima Looi

- Product of the Year (Perisian) (1991)
- Best of the Security System Solutions, Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat Multimedia Super Koridor Asia Pasifik (APMITTA) - 2000
- Best of the Best Prime Minister (APMITTA) - 2000
- ICT Antarabangsa Asia Pasifik (2001)
- ICT Achiever of the Year, Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) - 2002.
- Tersenarai dalam Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai Penerima Anugerah Teknologi Maklumat Paling Banyak.

Siapa sangka V-Buster ciptaan Dr. Looi Hoong Thoong yang berasal dari Pulau Pinang lebih diyakini di Amerika Syarikat dan Eropah berbanding program antivirus lain.



HOONG THOONG graduan arkitektur yang mengubah haluan kerjaya dengan menjadi pencipta program antivirus terkenal.

V-BUSTER  
ANTIVIRUS SOFTWARE



Oleh NOOR HASLIZA NUSI

hasliza.nusi@kosmo.com.my

**P**ENAMPILANNYA bersahaja tetapi luar biasa. Begitulah personaliti seorang konsultan virus komputer, Dr. Looi Hoong Thoong, 67, ketika ditemu bual di pejabatnya di Looi Software, Pulau Tikus, Pulau Pinang baru-baru ini.

Biarpun pertama kali bertemu, sikap peramahannya membuatkan perbualan kami tidak terhenti dan berjaya merungkai seribu satu cerita daripada anak jati

**V-BUSTER yang sezaman dengan perisian antivirus lain seperti McAfee dan Dr. Solomon mempunyai 1.5 juta pengguna berdaftar di seluruh negara.**

Bukit Mertajam ini.

Siapa Hoong Thoong yang turut dikenali sebagai Uncle Looi ini?

Mendekati diri warga emas terbabit, beliau rupa-rupanya antara pencipta program antivirus terawal dunia, V-Buster.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Arkitektur ini berkata, kerjaya sebagai pereka program komputer memerlukan ketajaman fikiran dan ia lebih mencabar berbanding arkitek pembinaan.

Berbanding seorang arkitek, kata Looi, mereka hanya duduk di atas kerusi sambil memikirkan projek yang hendak dilaksanakan. Ia tidak melibatkan pengiraan dan kod bahasa seperti perkepa perisian.

"Kerjaya kreatif ini bermula ketika usia saya sembilan tahun apabila saya berjaya mencipta sebuah alat pencetak gambar hitam putih bersaiz kecil.

"Tidak sangka dengan menggunakan peralatan sedia ada di rumah sahaja seperti kaca, transistor dan litar, saya berjaya menghasilkannya walaupun dalam bentuk tidak seberapa," ujarnya yang mengaku tidak gemar menelaah bahan bacaan sejak zaman persekolahan.

"Inilah gaya hidup saya sejak di

bangku sekolah sehinggalah melanjutkan pengajian ke Universiti Adelaide di Australia pada tahun 1962.

### Langkah pertama

"Emak selalu memukul saya kerana malas membaca buku. Guru-guru di sekolah juga selalu memarahi saya kerana tidak mberi tumpuan di dalam kelas.

"Saya rasa tidak perlu membaca semua buku itu. Cukup dengan melihat formula mahupun tajuk-tajuk di dalamnya, saya sudah mengetahui kandungannya.


"Keputusan peperiksaan saya juga cemerlang," jelas Looi yang menganggap ia kebolehan semula jadi beliau.

Bapa kepada tiga cahaya mata ini menjelaskan, minat dalam bidang elektronik bermula selepas beliau menyaksikan tayangan filem bersiri popular pada awal tahun 1960 iaitu *The Man From U.N.C.L.E.*

Setelah menonton, beliau berjaya mencipta pintu pagar kawalan radio di rumahnya yang masih berfungsi dengan baik sehingga kini.

"Rakan-rakan kata saya gila kerana sebelum ini saya tidak tahu langsung mengenai peralatan elektronik.

"Tetapi dengan membuat se-



V-BUSTER berupaya mengesan 750,000 virus komputer.


**Pengguna**  
 “Sebaik balik ke rumah, saya terus membuat salinan disket itu. Malangnya, CPU komputer saya pula dijangkiti virus yang berpunca daripada disket itu.

“Sepanjang hari saya membelek komputer itu dan cuba membaikinya termasuk mencipta satu program antivirus ringkas menggunakan mesin kod ciptaan sendiri bagi menggantikan bahagian yang dijangkiti virus,” terangnya yang gemar bercucuk tanam.

Walaupun telah berjaya menghasilkan perisian antivirus sendiri, Looi tidak menjualnya.

Beliau cuma membuat salinan perisian itu sebelum menedarkan secara percuma kepada rakan-rakan.

Hanya tidak lama kemudian barulah beliau menjualnya pada harga RM4 di kedai IRM Komputer di Komtar, Pulau Pinang dengan jenama V-Buster.



PENGIKTIRAFAN daripada MBOR kepada Looi sebagai penerima anugerah IT paling banyak.

Menjelang tahun 1991, V-Buster sudah pun dikenali di pasaran Australia, Amerika Syarikat dan Eropah.

Malangnya, orang ramai kurang mempercayai produk tempatan. Menurut Looi, pernah ada sebuah bank tempatan yang mahu menggunakan program beliau tetapi ditentang oleh pengarah bank berkenaan atas alasan status bank berkenaan akan jatuh kerana memakai program tempatan.

“Namun, syarikat multinasional dan korporat serta universiti asing menggunakan perisian saya.

“Ini kerana pada tahun 1990-an, program saya boleh mengesan lebih banyak virus berbanding perisian lain,” kata Looi.

Sekarang, V-Buster berupaya mengesan dan memusnahkan lebih 750,000 virus komputer dan Internet.

“Program saya laris seperti kek panas di Amerika Syarikat dan Eropah tetapi agak lemah di pasaran tempatan.

“Mungkin disebabkan orang kita begitu sukar mempercayai perisian luaran tempatan,” keluhnya yang pernah menerima lebih 20 anugerah kecemerlangan sepanjang penglibatan dalam bidang tersebut.

Sehingga kini, terdapat 1.5 juta pengguna berdaftar yang menggunakan perisian antivirus tersebut di negara ini.

Sepanjang kerjayanya memerangi virus komputer, Looi sudah menemui lebih tiga juta virus.

Pernah ada sebuah bank tempatan yang mahu menggunakan program saya tetapi ditentang oleh pengarah bank berkenaan atas alasan status bank berkenaan akan jatuh kerana memakai program tempatan

DR. LOOI

dikit uji cuba, saya berjaya membuatnya berfungsi sehingga kini,” cerita beliau.

Bagaimanapun, pada era kemunculan mikro-komputer, Looi berjinak-jinak dengan dunia pengkomputeran pula.

“Pada awal tahun 1980-an, harga komputer terlalu mahal. Ketika itu saya tidak mempunyai wang simpanan yang mencukupi untuk membeli sebuah komputer yang berharga RM5,000.

“Saya sedaya upaya mengunjungi kesemua kedai buku dan membelek majalah serta buku-buku yang ada kaitan dengan cara mencipta komputer,” katanya.

Beritahunya lagi, dengan memasang litar integrasi yang lengkap dengan beberapa peralatan seperti transistor dan diod pemancar, Looi sekali lagi berjaya menghasilkan sebuah unit pemprosesan sepusat (CPU) dengan rangka luarnya menggunakan kayu.

Bagaimanapun, katanya, beliau terpaksa membeli sebuah monitor terpakai yang sudah rosak daripada seorang rakan pada harga RM2,000 sebelum membaiki dan memasukkan perisian ringkas.

“Disebabkan kurang perisian, saya teruja untuk mencipta program sendiri.

“Saya cuba belajar membuat program pada mesin kod,” ujarnya.

Pada masa itu, beliau mula memahami cara untuk bermain dan menyalin maklumat.

Mengenai permulaan kerjaya sebagai pemburu virus, katanya, semuanya bermula selepas seorang rakan memberinya dua keping disket antivirus, Brain dan Denzuko.

# Anak warisi kemahiran bapa

DI mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Begitulah perumpamaan yang dapat dikaitkan dengan kejayaan pencipta program antivirus V-Buster, Dr. Looi Hoong Thoong dan penglibatan dua orang anaknya, Looi May Li, 37, dan Looi Fook Meng, 22, dalam perniagaan teknologi maklumat itu.


Menurut anak sulung daripada tiga beradik, May Li, keputusan untuk mengikut jejak langkah bapanya itu adalah atas inisiatifnya sendiri, begitu juga dengan adik bongsunya Fook Meng.

Seorang lagi anak Looi, May Mei bekerja dalam bidang perundangan di London.

Berpendidikan dalam bidang sains komputer di Universiti Australia Selatan, May Li berkata, latihan dan pengalaman yang diperoleh hasil tunjuk ajar bapa dan pensyarahnya membuatkan dirinya bertambah matang.

"Saya hanya pakar dalam bidang virus komputer dan mencari semula perisian atau data yang hilang tetapi bukan pakar mencipta program baru menggunakan mesin kod seperti yang dilakukan bapa.

"Bayangkan, dia (bapa) seorang sa-



**KELUARGA antivirus. Dari kiri, May Li, Fook Meng, Looi dan isterinya, Andre Louisa.**

haja yang mahir membuat program komputer dan menggunakan kod bahasa yang diciptanya sendiri.

"Saya sendiri tidak diajar sebegitu

sewaktu di universiti dulu," jelas May Li.

Beliau juga begitu bangga dengan kejayaan si bapa, seorang anak Ma-

laysia yang disifatkannya berjiwa kental dan unik.

"Saya dan adik bertekad membantu bapa meneruskan perniagaan ini walaupun tahu ia semakin sukar berikutan terlalu banyak persaingan," katanya.

Looi Software kini mempunyai seramai 15 pekerja yang terdiri daripada tukang servis komputer.

Celah Looi, perniagaan mereka kini lebih bertumpu pada pencarian semula data yang hilang dan Looi Software adalah satu-satunya syarikat yang menawarkan perkhidmatan itu di Pulau Pinang.

"Kami mempunyai pelanggan yang datang ke sini dari Emiriah Arab Bersatu untuk mencari semula data yang hilang dan terbang semula ke negara mereka pada hari yang sama," kongsi Looi.

Looi Software mengedahkan pengeluaran sebanyak 500 salinan program antivirus V-Buster pada setiap bulan berbanding 1,000 salinan pada permulaan perniagaannya.

Kata Fook Meng pula, walaupun dalam kuantiti yang sedikit, ia tetap memberi ganjaran yang berlipat kali ganda.